



ALLIANCE BANK

Kad Biz-Xpress Alliance Bank (“BXC”) Terma dan Syarat

Terma dan Syarat Kad Biz-Xpress Alliance Bank

Terma dan Syarat yang terkandung di sini mentadbir penggunaan Kad Biz-Xpress Alliance Bank (“BXC”) anda yang dikeluarkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad (“Bank”) yang mengikat ke atas anda (“Pelanggan”). Anda dianggap sebagai telah menerima Terma dan Syarat ini sebaik sahaja menerima BXC anda.

Terma dan Syarat yang terkandung di sini mungkin digantikan dengan variasi, semakan atau perubahan sebagaimana yang dibuat oleh Bank dari semasa ke semasa, tertakluk kepada notis yang diberikan terlebih dahulu, dan pengekal dan/atau penggunaan BXC anda selepas tarikh penguatkuasaan variasi, semakan atau perubahan tersebut akan menunjukkan bahawa anda menerima sepenuhnya variasi, semakan dan/atau perubahan tersebut.

Segala rekod dan catatan yang tertera dalam Penyata Akaun akan dianggap sebagai betul dan terikat pada kecuali sekiranya Bank menerima notis bertulis yang menyatakan sebaliknya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata sebagaimana yang tertera dalam Penyata Akaun. Sekiranya pemberitahuan tersebut tidak diterima daripada anda, Penyata Akaun tersebut akan dianggap sebagai pengesahan dan penerimaan anda bagi segala transaksi yang terdapat dalam penyata tersebut.

Terma dan Syarat yang terkandung di sini juga perlu dibaca bersama Terma dan Syarat Deposit Bank, Terma dan Syarat untuk Perkhidmatan Dalam Talian BizSmart®, dan sebarang Terma dan Syarat lain yang relevan berhubung dengan Akaun tersebut, serta peraturan dan pengawalan lain yang mengikat dan/atau terpakai ke atas Bank dari semasa ke semasa.

1. DEFINISI

1.1 Dalam Perjanjian ini, melainkan konteks menetapkan sebaliknya:

“**Akaun**” bermaksud akaun semasa yang dipegang atau mungkin dipegang oleh Pelanggan di Bank pada bila-bila masa dan termasuk akaun yang dibuka oleh Pelanggan dari semasa ke semasa.

“**Perkhidmatan Alliance BizSmart®**” bermaksud kemudahan atau perkhidmatan perbankan internet yang disediakan oleh Bank bagi BizSmart®.

“**ATM**” bermaksud mesin juruwang automatik atau mesin kendalian kad termasuklah tetapi tidak terhad kepada mesin yang dimiliki oleh Bank atau bank lain yang berada di dalam atau di luar negara yang menyertai Shared ATM Network (SAN) atau Rangkaian ATM Mastercard.

“**Had ATM**” bermaksud gabungan had maksimum yang boleh ditetapkan oleh Pelanggan di ATM Bank untuk pengeluaran tunai dan/atau pembelian runcit harian yang dibuat menerusi rangkaian pembayaran MyDebit, yang merupakan gabungan kedua-duanya.

“**Cawangan Tunai Berdaftar**” bermaksud mana-mana cawangan, pejabat dan/atau lokasi yang ditetapkan oleh Bank atau mana-mana institusi anggota yang diberi kuasa untuk menerima CIRRUS atau SAN atau mana-mana pemilik jenama lain di mana Bank merupakan anggota Mastercard International untuk melaksanakan Pengeluaran Tunai.

“**Saudagar Berdaftar**” bermaksud mana-mana peruncit atau individu, syarikat atau perbadanan yang menurut perjanjian saudagar dengan Bank, bersetuju untuk menerima atau menyebabkan cawangannya menerima BXC High Limit sekiranya dikemukakan sewajarnya bagi pembayaran untuk pembekalan barangan dan/atau penyediaan perkhidmatan.

“**Pengguna yang Dibenarkan**” bermaksud mana-mana individu yang dicalonkan dan diberi kuasa oleh Pelanggan menurut borang permohonan BXC untuk menerima dan menggunakan BXC.

“**Bank**” membawa maksud Alliance Bank Malaysia Berhad (88103-W) dan turut merangkumi pengganti jawatan dan pemegang serah hak yang dibenarkan.

“Perkhidmatan Pembayaran Bil” bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh Bank untuk membolehkan Pelanggan melaksanakan pembayaran bil kepada Perbadanan Penerima menerusi penggunaan Terminal Layan Diri (SST)

“Kad Deposit Biz-Xpress (“Deposit BXC”)” bermaksud kad yang dikeluarkan oleh Bank bagi tujuan membuat deposit tunai atau cek menerusi SST dan ini termasuklah sebarang kad yang menggantikannya.

“Kad Biz-Xpress High Limit (“BXC High Limit”)” bermaksud kad Biz-Xpress High Limit yang dikeluarkan oleh Bank bagi tujuan mengeluarkan atau mendeposit tunai atau cek menerusi SST, termasuklah transaksi runcit MyDebit dan termasuklah sebarang kad yang menggantikannya.

“Pengeluaran Tunai” bermaksud tunai yang dikeluarkan daripada mana-mana Cawangan Tunai Berdaftar dan ATM.

“CDM” bermaksud Mesin Deposit Tunai yang dimiliki oleh Bank.

“CES” bermaksud Perkhidmatan Cek Ekspresoleh Bank.

“CIRRUS” bermaksud mana-mana bank atau institusi kewangan yang merupakan peserta rangkaian ATM Mastercard yang diuruskan oleh Mastercard.

“Pembaca/Terminal Tanpa Sentuh” merujuk kepada pembaca pengenalan frekuensi radio (RFID) yang terjamin keselamatannya yang dilengkapkan dalam Terminal POS untuk membuat pembayaran.

“Transaksi Tanpa Sentuh” merujuk kepada transaksi yang dibuat dengan menyentuh atau melakukan BXC High Limit di hadapan Pembaca Tanpa Sentuh.

“Pentadbir Korporat” bermaksud mana-mana individu yang dicalonkan dan diberi kuasa oleh Pelanggan dalam borang permohonan BXC untuk menerima BXC dan PIN bagi pihak Pelanggan, yang akan menjadi satu-satunya individu yang menghubungkan Bank dan Pelanggan berkenaan segala komunikasi dengan Bank mengenai BXC.

“Pelanggan” bermaksud perniagaan/perbadanan yang diberikan BXC oleh Bank untuk penggunaannya.

“Had Harian” bermaksud had harian yang ditetapkan oleh Bank. Had harian ini terpakai bagi Pengeluaran Tunai dan/atau Pembelian Runcit yang dibuat melalui rangkaian pembayaran MyDebit dan CIRRUS. Had ini meliputi pengeluaran ATM dan Pembelian Runcit bagi rangkaian pembayaran MyDebit.

“Had Bulanan” bermaksud had bulanan yang ditetapkan oleh Bank. Had bulanan ini terpakai bagi Pengeluaran Tunai dan/atau Pembelian Runcit yang dibuat melalui rangkaian pembayaran MyDebit dan pengeluaran Cirrus. Had ini meliputi pengeluaran ATM dan Pembelian Runcit bagi rangkaian pembayaran MyDebit.

“MyDebit” bermaksud Pembelian Runcit yang dibuat oleh Pelanggan menerusi Terminal POS atau Pembaca Tanpa Sentuh yang dipasang di kaunter pembayaran di mana-mana Saudagar Berdaftar yang menerima BXC High Limit Bank, dan akan melalui rangkaian pembayaran MyDebit.

“Terminal POS” bermaksud peranti elektronik milik Bank atau mana-mana bank atau institusi kewangan atau mana-mana pihak ketiga di dalam Malaysia atau di tempat lain yang digunakan untuk memproses pembayaran kad di cawangan Saudagar Berdaftar yang menerima pembayaran.

“Perbadanan Penerima” bermaksud perbadanan yang menerima pembayaran bil menerusi penggunaan Perkhidmatan Pembayaran Bil.

“Arahan Pembayaran” bermaksud arahan yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank menerusi SST untuk membuat pembayaran kepada Perbadanan Penerima.

“PIN” bermaksud nombor pengenalan peribadi enam (6) digit bagi Pengguna yang Dibenarkan yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan yang ditawarkan menerusi penggunaan BXC.

“Akaun Utama” bermaksud akaun utama di mana transaksi SAN/CIRRUS/MyDebit akan dilaksanakan menerusi akaun utama yang dikenal pasti dalam borang permohonan BXC.

“Pembelian Runcit” menurut Perjanjian ini membawa maksud segala pembayaran bagi Transaksi dengan Kad yang dibuat menggunakan BXC.

“Kod Keselamatan” bermaksud kod keselamatan yang diberi oleh Bank kepada Pelanggan untuk memberikan akses kepada Perkhidmatan yang berkenaan yang merangkumi PIN, TPIN (untuk Perkhidmatan Perbankan Telefon), TPIN dan TAC (untuk Perkhidmatan Alliance BizSmart®), dan termasuklah mana-mana nama pengguna, kata laluan, nombor pengenalan peribadi, sijil digital atau sebarang kod keselamatan lain yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa bagi akses kepada semua atau mana-mana Perkhidmatan dan rujukan kepada istilah “Kod Keselamatan” akan membawa maksud kod atau kod-kod keselamatan yang relevan dengan Perkhidmatan tertentu menurut konteks yang berkenaan.

“Perkhidmatan” bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pelanggan menerusi SST, Kad Debit, BizSmart®, Perbankan melalui Telefon dan mana-mana perkhidmatan perbankan elektronik yang mungkin ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

“Shared ATM Network” bermaksud operasi rangkaian ATM oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet).

“Penyata Akaun” bermaksud penyata akaun bagi Akaun yang Ditetapkan yang menunjukkan Transaksi yang dilaksanakan oleh Pelanggan menggunakan Kad, yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Perkhidmatan Alliance BizSmart®.

“SST” bermaksud Terminal Layan Diri termasuklah ATM, CDM dan CES.

“Transaksi” atau **“Arahan”** bermaksud sebarang dan segala transaksi perbankan yang dilaksanakan menerusi penggunaan BXC dan akan turut merangkumi tetapi tidak terhad kepada Pengeluaran Tunai, Pembelian Runcit, pembayaran, pemindahan dana, pertanyaan baki, deposit tunai atau cek, pembayaran bil, perkhidmatan permohonan penerbitan saham awam dan sebarang perkhidmatan perbankan elektronik lain yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa (sama ada melalui ATM, Terminal POS, Pembaca Tanpa Sentuh, BizSmart® Online atau terminal atau saluran seumpamanya yang disediakan untuk Pemegang Kad. Untuk mengelakkan keraguan, istilah “Transaksi” atau “Arahan” turut merangkumi “Transaksi Kad”.

2. PENYERAHAN KAD

- 2.1 Pelanggan perlu melantik seorang Pentadbir Korporat (sebagaimana pada borang permohonan BXC) yang diberi kuasa untuk menerima BXC bagi pihak Pelanggan dan menyerahkan BXC kepada Pengguna yang Dibenarkan yang berkenaan.

3. PENERIMAAN

- 3.1 Pengguna yang Dibenarkan perlu menandatangani BXC dengan segera sebaik sahaja menerimanya. Tindakan menandatangani BXC menandakan penerimaan dan persetujuan terhadap Terma dan Syarat yang terkandung di sini termasuklah Terma dan Syarat yang mungkin dipinda oleh Bank dari semasa ke semasa.

4. BXC TIDAK BOLEH DIPINDAH MILIK

- 4.1 BXC tidak boleh dipindah milik dan Pelanggan perlu memastikan bahawa setiap BXC hanya digunakan oleh Pengguna yang Dibenarkan sahaja.

5. HAK MILIK

- 5.1 BXC merupakan hak milik Bank dan mesti dikembalikan setelah dibatalkan atau dituntut oleh Bank.

6. KESULITAN PIN

- 6.1 Pengguna yang Dibenarkan berjanji untuk tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana individu, di mana sekiranya gagal berbuat demikian, Pengguna yang Dibenarkan tersebut akan dipertanggungjawabkan oleh Bank atas sebarang catatan debit dalam BXC yang berpunca daripada transaksi yang dibuat tanpa kebenaran.

- 6.2 PIN adalah sulit dan mesti dijaga rapi oleh Pengguna yang Dibenarkan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa dalam apa juga keadaan atau atas apa juga sebab sekalipun. Pengguna yang Dibenarkan perlu:

- a) menandatangani BXC sebaik sahaja ia diterima dan mematuhi arahan keselamatan; menggunakan PIN yang mantap yang sukar diteka atau ditiru;
- b) melindungi BXC, PIN, dan sebarang butiran keselamatan kad;
- c) tidak cuai atau semberono untuk memilih PIN atau menggunakan PIN yang akan menyumbang kepada atau menyebabkan kerugian daripada sebarang transaksi tanpa kebenaran akibat penggunaan BXC oleh mana-mana pihak ketiga;
- d) memusnahkan sebarang pemberitahuan mengenai butiran keselamatan PIN atau BXC dan tidak mendedahkan PIN kepada sesiapa sahaja termasuklah polis dan kakitangan Bank;
- e) tidak membenarkan orang lain melihat PIN apabila anda memasukkannya atau semasa ia dipaparkan; dan
- f) memaklumkan kepada Bank dengan segera (secara lisan dan/atau bertulis) sebaik sahaja menyedari bahawa PIN telah terdedah, digunakan atau diketahui oleh pihak ketiga dan memotong BXC kepada separuh secara melintang di bahagian jalur magnetik dan cip utuk memastikan ia rosak sepenuhnya.

- 6.3 Pengguna yang Dibenarkan mesti mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan BXC dan PIN sentiasa dalam jagaan rapi, termasuklah di tempat kediaman Pengguna yang Dibenarkan. Ini termasuklah untuk tidak:

- a) mendedahkan butiran BXC atau PIN kepada mana-mana individu lain;
- b) menulis PIN pada BXC atau pada apa-apa juga yang disimpan berhampiran dengan BXC;
- c) menggunakan PIN yang dipilih berdasarkan tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon Pengguna yang Dibenarkan; dan membenarkan mana-mana individu lain menggunakan BXC dan PIN.

- 6.4 Sekiranya PIN didedahkan, terdedah atau terjejas keselamatannya atas apa juga sebab atau sekiranya Pengguna yang Dibenarkan terlupa PIN, Pengguna yang Dibenarkan dengan ini mengaku janji untuk memaklumkan Bank dengan segera secara lisan dan/atau bertulis dan mengembalikan kad, yang telah dipotong kepada separuh, kepada Bank.

7. TANGGUNGJAWAB TERHADAP TRANSAKSI

- 7.1 Pelanggan dibenarkan memautkan sehingga enam (6) Akaun Deposit kepada BXC. Apabila lebih daripada satu (1) Akaun dipautkan kepada BXC, Pelanggan perlu menetapkan salah satu (1) daripada Akaun tersebut sebagai Akaun Utama sebagaimana dalam Borang Permohonan BXC.

- 7.2 Pelanggan mesti bertanggungjawab sepenuhnya atas segala transaksi yang dilaksanakan menggunakan BXC tanpa mengira sama ada ia dilaksanakan dengan pengetahuan, kelulusan atau kebenaran Pelanggan, selagi Had Harian atau Had Bulanan tidak melebihi amaun maksimum yang ditetapkan oleh Bank bagi penggunaan BXC

- 7.3 Pelanggan tidak akan mempertanggungjawabkan Bank dalam apa juga cara sekalipun:
- a) Atas sebarang kerugian, kerosakan atau kecederaan atau kemudaratan lain oleh Pengguna yang Dibenarkan, sekiranya transaksi tidak diterima atas apa

juga sebab sama ada kerana sebarang kerosakan mekanik atau kegagalan fungsi SST atau sebarang cawangan perkhidmatan lain atau kerana ketiadaan atau gangguan bekalan elektrik atau kerana sebarang sebab di luar kawalan Bank; dan/atau

- b) Atas sebarang kerugian atau apa juga sebab yang timbul daripada penggunaan BXC.

- 7.4 Pelanggan memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk mendebit Akaun Utama bagi transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan BXC.
- 7.5 Pelanggan bertanggungjawab atas segala transaksi yang diproses menggunakan BXC tanpa mengira sama ada ia dibuat oleh Pelanggan atau Pengguna yang Dibenarkan.
- 7.6 Semua Pengguna yang Dibenarkan bertindak sebagai ejen Pelanggan semasa menggunakan BXC. Pelanggan harus memastikan bahawa setiap Pengguna yang Dibenarkan mengambil maklum dan mematuhi Terma dan Syarat ini.

8. TRANSAKSI TANPA SENTUH

- 8.1 BXC High Limit menyokong Transaksi Tanpa Sentuh iaitu MyDebit tanpa sentuh. Kaedah pembayaran MyDebit tanpa sentuh adalah melalui rangkaian pembayaran MyDebit yang boleh dilaksanakan di mana-mana Terminal POS yang memaparkan logo MyDebit; dan
- 8.2 Setiap Transaksi Tanpa Sentuh dihadkan pada RM250. Sekiranya Transaksi Tanpa Sentuh telah melangkaui had ambang RM250 bagi setiap Transaksi Tanpa Sentuh, Pemegang Kad dikehendaki memasukkan PIN mereka di Terminal POS.
- 8.3 Sekiranya Transaksi Tanpa Sentuh melangkaui had tanpa sentuh kumulatif, Pemegang Kad masih boleh membuat pembayaran dengan memasukkan Kad Debit ke dalam Terminal POS dan memasukkan PIN. Sebaik sahaja PIN disahkan, draf transaksi jualan akan dikeluarkan setelah pengesahan.
- 8.4 Transaksi Tanpa Sentuh adalah tertakluk kepada Had transaksi.

9. LIABILITI PELANGGAN

- 9.1 Pengguna yang Dibenarkan dinasihatkan supaya tidak menyimpan PIN bersama BXC untuk melindungi kepentingan Pelanggan. Pengguna yang Dibenarkan mesti mengambil segala langkah keselamatan yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan atau kecurian BXC.
- 9.2 Pentadbir Korporat mesti memaklumkan kepada Pengurus cawangan Bank di mana Akaun Utama diselenggarakan atau menghubungi Pusat Panggilan Bank dengan segera melalui telefon semasa waktu pejabat dan kemudiannya mengemukakan pengesahan bertulis dengan seberapa segera sekiranya BXC hilang, dicuri atau digunakan oleh individu selain daripada Pengguna yang Dibenarkan atau PIN didedahkan kepada sesiapa selain daripada Pengguna yang Dibenarkan.
- 9.3 Pengguna yang Dibenarkan akan dipertanggungjawabkan atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan PIN atau Transaksi Tanpa Sentuh sekiranya Pengguna yang Dibenarkan telah:
- a) melakukan penipuan;
 - b) melengahkan memaklumkan kepada Bank secepat mungkin setelah menyedari kehilangan atau penggunaan BXC tanpa kebenaran;
 - c) mendedahkan PIN secara sukarela kepada individu lain;
 - d) merekodkan PIN di BXC anda, atau apa-apa yang disimpan berhampiran dengan BXC;
 - e) membiarkan BXC atau item yang mengandungi BXC tanpa jagaan di tempat yang dapat dilihat atau diakses oleh orang lain; atau
 - f) membenarkan orang lain menggunakan BXC anda.

- 9.4 Tanpa menjejaskan keluasan fasal-fasal dalam Terma dan Syarat yang terkandung di sini, Pelanggan memberi persetujuan yang jelas bahawa penggunaan BXC adalah atas risiko sendiri dan menerima segala risiko, yang merupakan sampingan atau timbul daripada penggunaan BXC. Ini termasuklah penggunaan BXC bagi sebarang transaksi kewangan dan bukan kewangan termasuklah penggunaan BXC bagi pendaftaran sebarang perkhidmatan, sama ada yang disediakan oleh Bank atau sebaliknya.
- 9.5 Pelanggan tidak boleh menggunakan BXC untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang. Sekiranya Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa BXC telah digunakan untuk sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang, Bank boleh mengambil tindakan yang dianggap wajar oleh Bank untuk memenuhi sebarang obligasi atau keperluan di Malaysia atau di mana-mana sahaja di dunia berhubung dengan pencegahan sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuklah tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, kegiatan pengganas, rasuah, penyelewengan atau pengelakan cukai atau pelaksanaan sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang mungkin diambil oleh Bank termasuklah menggantung atau menamatkan penggunaan BXC dengan serta-merta, membuat laporan dan tindakan lain sebagaimana yang diputuskan wajar oleh Bank.
- 9.6 Sekiranya terdapat sebarang prosiding kebangkrapan atau insolvensi atau yang seumpamanya terhadap Pelanggan, Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi berhubung dengan keseluruhan atau sebahagian daripada wang dan liabiliti tersebut terhadap Pelanggan.

10. PERKHIDMATAN PEMBAYARAN BIL

- 10.1 Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk menjelaskan bil sepenuhnya dalam jangka masa yang ditetapkan oleh Perbadanan Penerima. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang perbelanjaan, kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan yang berpunca daripada kegagalan Pelanggan mematuhi Fasal ini.
- 10.2 Sebarang Arahan Pembayaran yang dibuat menerusi SST akan dianggap sebagai lengkap dan muktamad setelah ATM berjaya melaksanakan Arahan Pembayaran tersebut dan Akaun Pelanggan telah didebitkan.
- 10.3 Pelanggan harus menerima rekod Bank bagi Arahan Pembayaran yang diproses menggunakan Perkhidmatan Pembayaran Bil sebagai tidak boleh dipertikaikan dan mengikat bagi apa juga tujuan sekalipun.
- 10.4 Bank boleh, dari semasa ke semasa, dengan memberikan notis terlebih dahulu, meminda senarai Perbadanan Penerima atau menarik balik Perkhidmatan Pembayaran Bil secara keseluruhan atau sebahagiannya dan tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh Pelanggan yang berpunca daripada tindakan yang diambil oleh Bank.
- 10.5 Bagi tujuan Perkhidmatan Pembayaran Bil menerusi SST, pemindahan/deposit dana adalah tertakluk kepada had minimum Perbadanan Penerima yang berkenaan.
- 10.6 Sekiranya terdapat pertikaian antara Pelanggan dan Perbadanan Penerima mengenai pembayaran yang melebihi jumlah yang perlu dibayar kepada Perbadanan Penerima, Pelanggan perlu menyelesaikan pertikaian tersebut atau mendapatkan pelarasan atau pemulangan daripada Perbadanan Penerima, dan Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Pelanggan tidak akan mempertanggungjawabkan Bank atas sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada pertikaian atau pembayaran amaun yang berlebihan tersebut.
- 10.7 Sebarang arahan untuk pemindahan dana yang dibuat menerusi ATM akan dianggap sebagai telah selesai dan muktamad sebaik sahaja ATM berjaya melaksanakan arahan untuk mendebit Akaun Pelanggan dan mengkredit akaun benefisiari. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk memaklumkan kepada benefisiari mengenai pemindahan dana tersebut.

10.8 Pemindahan dana yang dilaksanakan menerusi ATM kepada Akaun yang dipautkan kepada BXC tidak tertakluk kepada Had Harian dan Had Bulanan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Biz-Xpress.

10.9 Pemindahan dana yang dilaksanakan menerusi ATM kepada Akaun yang tidak dipautkan kepada BXC (akaun sendiri atau akaun pihak ketiga) adalah tertakluk kepada Had Harian dan Had Bulanan.

11. FI DAN CAJ LAIN YANG BERKENAAN

11.1 Pelanggan bersetuju untuk membayar Caj yang berkenaan dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit Akaun Utama Pelanggan tersebut, pada bila-bila masa walaupun pendebitan tersebut boleh menyebabkan Akaun menjadi terlebih keluar.

11.2 Caj mungkin diubah oleh Bank dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perubahan Caj, Bank akan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar.

11.3 Fi dan caj yang berkenaan berhubung dengan Perkhidmatan tersebut (sebagaimana yang dikemas kini dari semasa ke semasa), akan dipaparkan di laman web Bank di <https://www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx> dan/atau di mana-mana cawangan Bank.

11.4 Bank boleh mengenakan dan/atau mengubah caj dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan dari semasa ke semasa berhubung dengan mana-mana Perkhidmatan atau Perkhidmatan akan datang yang disediakan oleh Bank dan/atau SAN. Caj tersebut akan didebitkan daripada Akaun Utama yang digunakan untuk melaksanakan transaksi tersebut.

12. PENGGANTIAN & TAMBAHAN

12.1 Pentadbir Korporat perlu mengemukakan permohonan bertulis kepada Bank bagi sebarang permohonan untuk penggantian BXC dan kelulusan bagi permohonan tersebut adalah menurut dasar Bank dan adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat semasa yang diterima pakai pada ketika itu.

12.2 Sebarang permohonan untuk BXC tambahan perlu dibuat dengan mengemukakan Borang Permohonan BXC dan dokumen sokongan dan menurut dasar Bank dan adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat semasa yang diterima pakai pada ketika itu.

12.3 Bank berhak mengenakan caj bagi setiap penggantian BXC yang hilang atau dicuri atau sekiranya terlupa PIN, atau memutuskan untuk tidak menggantikan BXC tanpa memberikan sebarang sebab.

13. PENAMATAN DAN/ATAU PENGGANTUNGAN BXC

13.1 Bank berhak, menurut dasarnya, untuk menamatkan BXC pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan. Tanpa prejudis terhadap yang tersebut di atas, Bank juga berhak menamatkan dan/atau menggantung BXC sekiranya berlaku mana-mana satu atau lebih yang berikut:

- a) sekiranya Pelanggan dan/atau Pengguna yang Dibenarkan gagal, mengabaikan atau ingkar dalam membuat pembayaran sebarang jumlah wang apabila tiba masa pembayaran dan perlu dibayar kepada Bank sama ada dituntut atau tidak;
- b) sekiranya Pelanggan dan/atau Pengguna yang Dibenarkan melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
- c) sekiranya Pelanggan dan/atau Pengguna yang Dibenarkan memberikan maklumat palsu atau tidak tepat kepada Bank;
- d) sekiranya Pelanggan dan/atau Pengguna yang Dibenarkan melangkaui Had Harian dan/atau Had Bulanan yang diberikan oleh Bank;
- e) sekiranya Pelanggan dan/atau Pengguna yang Dibenarkan melakukan kebangkrapan atau terdapat perintah terhadapnya atau resolusi telah diluluskan atau petisyen telah dikemukakan terhadapnya untuk penggulungan

- atau berlaku pembubaran atau penerima dilantik bagi asetnya atau melaksanakan komposisi atau pengaturan lain dengan pemberi pinjamannya;
- f) sekiranya Pengguna yang Dibenarkan menjadi tidak siuman atau meninggal dunia.

14. VARIASI

- 14.1 Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak, dari semasa ke semasa, untuk mengubah, menambah, mengeluarkan dan/atau meminda kadar, fi, caj serta mana-mana Terma dan Syarat, yang tidak dirujuk secara khusus di sini, dengan memaklumkan pindaan tersebut kepada Pelanggan dengan memberikan notis dua puluh satu (21) Hari Kalendar sama ada menerusi penyata bulanan atau secara elektronik atau sebaliknya.
- 14.2 Pemberitahuan dalam Fasal 14.1 mungkin dibuat oleh Bank dalam Penyata Akaun dan/atau sebarang kaedah lain yang dianggap wajar oleh Bank menurut budi bicaranya;
- 14.3 Sebarang pindaan yang merujuk kepada Fasal 12.1 akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Bank. Pengekalan atau penggunaan BXC selepas tarikh penguatkuasaan yang ditetapkan oleh Bank akan dianggap sebagai menandakan penerimaan pindaan tersebut tanpa syarat oleh Pelanggan.
- 14.4 Sekiranya Pelanggan tidak mempersetujui pindaan tersebut, Pelanggan perlu menyerahkan BXC dan mengembalikannya kepada Bank dengan segera, yang dipotong kepada separuh dan dilubangkan pada bahagian cip SMART dan jalur magnetik, di mana sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan dianggap sebagai menerima pindaan tersebut.

15. PENGECUALIAN LIABILITI

- 15.1 Walaupun terdapat peruntukan yang terkandung di sini, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan dan/atau Pengguna yang Dibenarkan atas sebarang bentuk kerugian atau kerosakan yang dialami dalam apa cara sekalipun berhubung dengan Terma dan Syarat ini dan BXC yang disebabkan dan yang boleh dianggap sebagai disebabkan oleh Pelanggan.
- 15.2 Sebarang slip transaksi yang diterbitkan oleh SST yang melibatkan pengeluaran hanya akan menunjukkan pengeluaran yang dikatakan dibuat oleh Pengguna yang Dibenarkan dan tidak akan, bagi apa juga tujuan, diterima sebagai penyata yang tidak boleh dipertikaikan berkenaan akaun Pelanggan dengan Bank.

16. INDEMNITI

- 16.1 Pelanggan mengaku janji untuk menanggung rugi dan melindungi Bank sepenuhnya dan secara menyeluruh pada setiap masa terhadap segala tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian, perbelanjaan (termasuk kos guaman antara peguam cara dan kliennya) dan segala bentuk liabiliti lain yang mungkin dibuat, diambil, ditanggung atau dialami oleh Bank berkaitan dengan atau dalam apa juga cara yang timbul daripada penggunaan BXC oleh Pengguna yang Dibenarkan atau yang dikeluarkan kepada Pengguna yang Dibenarkan. Liabiliti Pelanggan adalah liabiliti yang berterusan dan akan kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga liabiliti kepada Bank telah diselesaikan sepenuhnya. Indemniti ini akan mengikat Pelanggan dan wakil peribadi dan waris atau pengganti jawatannya.
- 16.2 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang akibat yang ditanggung oleh Pelanggan yang berpunca daripada sebarang tindakan atau ketinggalan oleh mana-mana SST atau mana-mana cawangan perkhidmatan lain, termasuklah tetapi tidak terhad kepada keengganan untuk menerima BXC atau sebarang penyata atau komunikasi lain berhubung dengannya atau sebarang kecacatan atau kekurangan barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan menerusi penggunaan BXC.
- 16.3 Penggunaan BXC oleh Pengguna yang Dibenarkan juga tertakluk kepada Terma dan Syarat semasa yang mentadbir pengendalian akaun yang berkenaan.

- 16.4 Sekiranya Pelanggan berada dalam perkongsian atau kumpulan individu lain yang tidak diperbadankan, tanggungan semua rakan kongsi atau semua individu dalam kumpulan individu yang berkenaan adalah secara bersama dan berasingan.
- 16.5 Pelanggan akan tetap dipertanggungjawabkan atas segala transaksi yang dibuat
- a) sebelum sebarang pemberitahuan kepada Bank tentang kehilangan atau kecurian BXC dan/atau
 - b) oleh mana-mana individu menggunakan PIN (sama ada dengan kebenaran atau tanpa kebenaran).

17. TELEKOMUNIKASI

- 17.1 Tertakluk kepada pengesahan yang wajar, Bank boleh bergantung kepada dan bertindak menurut sebarang arahan lisan atau bertulis yang diterima daripada Pentadbir Korporat melalui sebarang kaedah yang diterima oleh Bank termasuklah tetapi tidak terhad kepada, melalui telefon, dalam talian atau faksimile. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan dalam apa juga cara atas tindakan jujur yang dibuat setelah menerima arahan tersebut walaupun kemudiannya jelas bahawa ia tidak diberikan oleh Pelanggan, atau atas sebarang salah faham atau kerosakan yang dialami akibat daripada tindakan atau persetujuan Bank untuk melaksanakan arahan atau permintaan tersebut.

18. NOTIS

- 18.1 Pemegang Kad mestilah dengan segera dan tanpa berlengah memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang perubahan alamat dan/atau pekerjaan atau perniagaan, atau tujuannya untuk tidak berada di Malaysia selama lebih daripada tiga puluh (30) hari.
- 18.2 Sebarang Penyata Akaun, surat-menyurat atau notis kepada Pelanggan mungkin dihantar melalui serahan tangan atau telefaks atau penghantaran secara elektronik atau pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan dan penyerahan tersebut akan dianggap sebagai telah dilaksanakan sebaik sahaja disampaikan (sekiranya dihantar melalui serahan tangan) atau pada masa penghantaran melalui telefaks atau sekiranya dihantar melalui penghantaran secara elektronik kepada e-mel Pelanggan (sebagaimana yang diberikan oleh Pelanggan) pada tarikh ia diterima atau tiga (3) hari perniagaan selepas tarikh penghantaran di mana penyerahan tersebut dianggap sebagai telah dilaksanakan tujuh (7) Hari Kalendar selepas penghantaran, penghantaran faksimile atau pengeposan.
- 18.3 Sebarang kegagalan di pihak Pelanggan untuk memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang perubahan alamat yang menyebabkan kelewatan atau pengembalian sebarang Penyata Akaun, surat-menyurat dan/atau notis tidak akan menjejaskan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini.
- 18.4 Walaupun terdapat sebarang peruntukan di sini, Bank menurut budi bicaranya boleh menyerahkan sebarang notis kepada Pelanggan menerusi kaedah lain, termasuklah tetapi tidak terhad kepada:
- a) satu (1) iklan akhbar harian;
 - b) menerusi kaedah elektronik termasuklah tetapi tidak terhad kepada e-mel dan/atau penerbitan di laman web;
 - c) memaparkan notis tersebut, sekiranya sesuai, di premis Bank di mana notis tersebut dianggap sebagai telah diserahkan kepada Pelanggan pada tarikh iklan tersebut diterbitkan di akhbar atau tarikh notis tersebut dipaparkan di premis Bank menurut keadaan, dan/atau
 - d) Penyata Akaun.

19. PENYERAHAN PROSES UNDANG-UNDANG

- 19.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang writ saman atau sebarang proses undang-undang berhubung sebarang tuntutan yang timbul daripada atau berkait dengan Terma dan Syarat ini boleh dilaksanakan dengan menghantar satu salinan dokumen tersebut kepada Pelanggan melalui pos berdaftar prabayar yang dihantar ke alamat Pelanggan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Pembukaan Akaun Bank atau alamat lain yang dimaklumkan oleh

Pelanggan dan diterima oleh Bank dari semasa ke semasa atau sebarang cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan dan penyerahan tersebut dianggap telah disempurnakan bagi Pelanggan selepas tamat tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengeposannya walaupun dokumen tersebut dikembalikan tanpa serahan.

20. PERAKUAN HUTANG

20.1 Perakuan yang ditandatangani oleh pegawai Bank berkenaan wang yang pada masa ini mesti dibayar dan terhutang kepada Bank oleh Pelanggan adalah bukti yang tidak boleh dipertikaikan terhadap Pelanggan bagi apa juga tujuan termasuklah bagi prosiding undang-undang.

21. KEBOLEHASINGAN

21.1 Ketaksahan atau kegagalan menguatkuasakan mana-mana peruntukan yang terkandung di sini tidak akan membatalkan tujuan asas Terma dan Syarat ini dan peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan boleh diasingkan, dan ketaksahan atau kegagalan menguatkuasakan mana-mana terma atau peruntukan dalam Terma dan Syarat ini tidak akan menjejaskan kesahan atau penguatkuasaan terma atau peruntukan lain yang terkandung di sini yang akan kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

22. PENDEDAHAN

22.1 Pelanggan memberi persetujuan dan kebenaran yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank dan pegawai serta kakitangannya untuk mendedahkan dan memberi segala maklumat yang berkaitan dengan butiran dan hal ehwal Pelanggan (kewangan atau sebaliknya), butiran akaun, hubungan dengan Bank, terma perjanjian dan sebarang perkara lain berhubung dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada kumpulan individu berikut menurut kaedah dan setakat yang dianggap perlu oleh Bank menurut dasarnya.

- a) syarikat Bank yang berkaitan menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat sekutu Bank (Bank berserta dengan syarikat yang berkaitan/sekutu tersebut dirujuk secara kolektif sebagai "Kumpulan Alliance Bank") dan pemegang serah hak dan pengganti jawatannya. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan Alliance Bank adalah untuk memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank dengan syarat pendedahan untuk tujuan penjualan silang tidak akan dibuat sekiranya pendedahan tersebut dibantah oleh Pelanggan menerusi pemberitahuan bertulis kepada Bank;
- b) mana-mana individu yang melaksanakan atau berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding undang-undang yang dilaksanakan untuk mendapatkan kembali wang yang telah genap masa dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank;
- c) Badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, penguasa cukai, polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, di dalam dan di luar Malaysia termasuklah yang merujuk kepada Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat;
- d) bank atau institusi kewangan lain termasuk Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (sekiranya berkenaan) dan mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagaimana yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut, atau pihak berkuasa/agensi seumpamanya yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia/Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia;
- e) Akauntan, auditor, peguam cara, penasihat, perunding dan/atau lain-lain ejen Bank sebagaimana yang perlu untuk pelaksanaan fungsi, tanggungjawab dan obligasi mereka dengan sewajarnya terhadap Bank dan Kumpulan Alliance Bank;
- f) Penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan

pihak ketiga Bank yang dilibatkan oleh Bank dan syarikat yang berkaitan atau bersekutu untuk melaksanakan fungsi dan kegiatan Bank;

- g) mana-mana entiti yang dianggap wajar oleh Bank dengan mengambil kira kepentingan awam, dakwaan penipuan/pemalsuan/sebarang jenayah yang didakwa telah dilakukan menerusi Akaun tersebut dan/atau oleh Pelanggan;
- h) pihak luar sebagaimana yang diperlukan untuk sebarang kegiatan pelaksanaan korporat/usaha wajar yang dibuat oleh Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank;
- i) mana-mana pihak yang mungkin akan menyatakan keinginan untuk memperoleh kepentingan/pegangan saham di Bank menurut sebarang cadangan pengatur, penggubahan, penggabungan, pengambilalihan/penstrukturan semula di antara Bank dan pihak tersebut; dan
- j) mana-mana individu atau entiti yang telah mendapat persetujuan pelanggan terlebih dahulu.

23. FORCE MAJEURE

- 23.1 Tanpa prejudis terhadap mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini, Pelanggan bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank sekiranya Bank tidak dapat menunaikan keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipannya di bawah Perjanjian ini, yang boleh dianggap sebagai disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan sebarang peranti mekanik atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, sebarang tindakan di luar kawalan Bank atau disebabkan oleh sebarang faktor semulajadi atau force majeure.

24. PERAKUAN AM

- 24.1 Pelanggan mengakui bahawa satu salinan Lembaran Maklumat Produk ("PDS") telah diperolehi daripada Bank (melalui cawangan atau laman web di www.alliancebank.com.my).
- 24.2 Pelanggan memberi kebenaran kepada Bank, dari semasa ke semasa, untuk mengakses, mendapatkan, mengesahkan dan/atau menggunakan sebarang data atau maklumat daripada mana-mana sumber (termasuklah agensi rujukan kredit, Bank Negara Malaysia ("BNM"), Biro Kredit dan/atau Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat ("CCRIS") dan pihak berkuasa yang berkenaan) bagi tujuan penilaian kedudukan kredit, penggunaan produk ini dan sebarang kemudahan atau perkhidmatan yang diperolehi atau mungkin diperolehi oleh Pelanggan (sama ada dengan Bank atau tidak).

25. PERTIKAIAN

- 25.1 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan perkhidmatan, anda boleh menulis surat kepada info@alliancefg.com.
- 25.2 Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan sewajarnya oleh Bank, anda boleh menulis surat kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) - enquiry@ofs.org.my.

26. ANTIRASUAH DAN ANTIPENYELEWENGAN

- 26.1 Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang dikenakan terhadap Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
- 26.2 Dengan memohon untuk mendapatkan produk ini, Pemegang Kad dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti->

[Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx](#) dan berjanji/mengaku janji untuk tidak terlibat dalam amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

27 CARA UNTUK MENGHUBUNGI KAMI

27.1 Untuk bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 1300-803388 atau kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank.